

17 JUL 2001

MAHATHIR-PINJAMAN

INSTITUSI KEWANGAN PERLU BERI PERHATIAN KHUSUS KPD IKS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru institusi kewangan agar memberi perhatian sewajarnya kepada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) dan jangan mengenakan syarat pinjaman yang terlalu membebankan.

Menurutnya, terdapat sesetengah bank yang terlalu berhati-hati dalam memberikan pinjaman kepada syarikat IKS sehingga ada antara mereka yang terpaksa gulung tikar.

"Ini adalah perkara yang merugikan negara apabila modal yang dilabur hilang begitu sahaja. Usaha yang sepatutnya berupaya menjanakan pertumbuhan positif, kini berubah kepada pertumbuhan yang negatif," kata Dr Mahathir ketika melancarkan wang emas (bullion) negara yang pertama, Kijang Emas, di sini hari ini.

Jelas Perdana Menteri, pengusaha IKS adalah antara sektor penting dalam ekonomi yang mendapat perhatian kerajaan sebagai sektor yang berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Bagaimanapun, keupayaan IKS terhad kepada jumlah modal yang dimiliki dan mereka memerlukan bank untuk mendapatkan bantuan bagi mengembangkan perniagaan atau menampung defisit aliran tunai.

Perdana Menteri berkata, pihak bank sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu pengusaha IKS seperti memberikan khidmat nasihat tentang pengurusan kewangan, pentadbiran, dan pemasaran.

"Saya percaya langkah ini akan membantu memajukan syarikat IKS dan secara langsung dapat mengurangkan risiko pinjaman tidak berbayar," katanya.

Dr Mahathir menambah walaupun kerajaan sentiasa berharap negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang positif setiap tahun, tugas menjanakan pertumbuhan tidak sepatutnya diletakkan di bahu kerajaan semata-mata.

Katanya, tugas ini sepatutnya dipikul bersama oleh sektor swasta yang merangkumi antaranya masyarakat peniaga, pengusaha dan perbankan.

Mereka perlu saling bergantung anantara satu sama lain dengan matlamat utamanya untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih cemerlang, tambah beliau.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata pengusaha dan peniaga tempatan kini tidak boleh terlalu bergantung kepada kerajaan kerana dalam arus globalisasi, peranan kerajaan akan menjadi semakin terhad.

Tegas beliau, pengusaha-pengusaha tempatan perlu bijak mengambil peluang yang ada, mempunyai kekuatan, semangat dan daya tahan yang tinggi dalam mengharung arus globalisasi ini.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata pengeluaran Kijang Emas oleh Royal Mint of Malaysia, bukan setakat memperkenalkan Malaysia di mata dunia, tetapi ia juga menyediakan pilihan bagi orang ramai untuk melabur dan menabung.

Kijang Emas, yang diperbuat daripada emas tulen 999.9, dijual pada kadar pasaran emas harian dan boleh didapati dalam tiga denominasi, satu aun, setengah aun dan suku aun.--BERNAMA

MOT ZK